

# KPDNHEP gempur pengedar, penjual gula-gula Ghost Candy

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan mengikut Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar dan Penjual Borong) 1980 terhadap penjual serta pengedar yang menjual gula-gula Ghost Candy atau Smoke Candy yang mengeluarkan asap seperti menghisap rokok.

Perintah itu menetapkan denda mengikut Seksyen 57 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu denda maksimum RM100,000 bagi pertubuhan perbadanan dan tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya bagi orang perseorangan jika sabit kesalahan.

Menterinya, Datuk Saifud-

Gula-gula keluar asap mendorong kanak-kanak merokok pada usia muda

## Haramkan jualan Ghost Candy



KERATAN *Kosmo!* semalam.

din Nasution Ismail berkata, pihak kementerian akan melakukan penguatkuasaan setiap produk dijual yang dibungkus untuk mengesan pembekal sebelum tindakan susulan dijalankan mengikut undang-undang itu.

Jelasnya, melalui penguatkuasaan, pihaknya dapat melihat sama ada produk itu mematuhi pelabelan, komponen dan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan gula-gula tersebut.

"Produk ini mesti dijual di kedai. Jadi, kami akan melihat semula kaedah produk itu dibungkus, malah dalam undang-undang sudah termaktub bahawa setiap produk

yang dijual secara tersedia bungkus mesti mematuhi penandaan butiran-butiran bagi tujuan pelabelan agar pembeli tahu kandungannya.

"Buat masa ini, biar pegawai-pegawai KPDNHEP menjalankan

tinjauan penguatkuasaan dan saya tidak ragu dengan keupayaan mereka untuk memberikan laporan balas dengan segera bagi menentukan langkah seterusnya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) di sini semalam.

Akhbar *Kosmo!* semalam melaporkan, Pengerusi Yayasan Keprihatinan Komuniti Malaysia, Halim Ishak menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pengeluar termasuk mengharamkan penjualan gula-gula tersebut.